

**KRITERIA DAN PANDUAN PERMOHONAN  
ANUGERAH AHLI AKADEMIK HARAPAN UTM 2023**

**1.0 PENGENALAN**

Anugerah Ahli Akademik Harapan UTM bertujuan memberi pengiktirafan kepada ahli akademik berkemampuan dan berkaliber yang berumur tidak melebihi 40 tahun pada tahun yang dinilai.

Penerima Anugerah Ahli Akademik Harapan UTM ialah seorang ahli akademik yang mempamerkan kecemerlangan dalam pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi, keterserlahan, kepimpinan dan libatsama komuniti di peringkat universiti atau kebangsaan atau antarabangsa.

Calon hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja.

**2.0 TUJUAN ANUGERAH**

Anugerah Ahli Akademik Harapan UTM ini bertujuan memberi pengiktirafan universiti bagi staf akademik yang mempamerkan kecemerlangan dalam pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi, keterserlahan, kepimpinan dan libatsama komuniti di peringkat universiti atau kebangsaan atau antarabangsa. Ia akan menjadi satu platform bagi mengiktiraf serta menyanjung staf akademik yang telah menaikkan serta mengharumkan nama universiti di persada kebangsaan dan antarabangsa. Pemenang anugerah ini juga akan diketengahkan ke peringkat Anugerah Akademik Negara (AAN).

**3.0 HADIAH**

Nilai hadiah bagi penerima anugerah ini adalah seperti berikut:

- i. Wang tunai berjumlah RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Sahaja)
- ii. Trofi
- iii. Sijil

**4.0 KELAYAKAN CALON**

**SYARAT UMUM**

- i. Permohonan/pencalonan Anugerah Ahli Akademik Harapan UTM dibuka hanya kepada staf akademik warganegara Malaysia.

- ii. Permohonan bagi kategori ini terbuka kepada staf akademik yang berkhidmat sepenuh masa, atau berjawatan hakiki di UTM sepanjang tahun.
- iii. Sekiranya tiada pemohon yang layak bagi kategori ini, maka anugerah bagi kategori ini tidak akan diberikan.

### **SYARAT PERMOHONAN**

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon berwibawa yang:

- i. Berumur tidak melebihi **40 tahun pada 31 Disember pada tahun yang dinilai**.
- ii. Berkhidmat sebagai pensyarah di IPT tempatan selama sekurang-kurangnya **5 tahun secara kumulatif (termasuk sekurang-kurangnya satu (1) tahun di UTM)** dalam kerjaya akademik.
- iii. Menerajui bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik secara **holistik**.
- iv. Mempamerkan wawasan dan kepakaran dalam bidang tujahan yang membawa kepada keterobosan ilmu.
- v. **Telah menerima anugerah atau pengiktirafan akademik daripada badan profesional dan ilmiah yang berprestij** di peringkat Universiti atau kebangsaan atau antarabangsa dalam jangka waktu **5 tahun terakhir** (termasuk tahun yang dinilai).
- vi. Mempamerkan wawasan dan hala tuju kepimpinan kerjaya akademik yang mampan.

### **5.0 KAEDAH PENCALONAN**

- i. Dicalonkan oleh Jawatankuasa Pemilih Anugerah Ahli Akademik Harapan UTM ; atau
- ii. Dicalonkan oleh Sekolah / Fakulti / PTJ ; atau
- iii. Pencalonan diri sendiri melalui sokongan Sekolah / Fakulti / PTJ

### **6.0 KRITERIA PEMILIHAN**

Kriteria penilaian merangkumi pencapaian dalam skop tanggungjawab universiti, iaitu pengajaran/pembelajaran, penyelidikan/pembangunan, dan perkhidmatan seperti diperincikan di bawah:

- i. Pengajaran dan pembelajaran
- ii. Penemuan ilmu (penyelidikan dan penerbitan)
- iii. Penjanaan nilai untuk masyarakat dan negara
- iv. Kepimpinan dan potensi sumbangan kepada masyarakat

**7.0 PEMARKAHAN**

Bil.	Komponen	Sub-Komponen	
		Elemen	Wajaran
1	Pengajaran dan pembelajaran	1. Anugerah dan pengiktirafan 2. Pengalaman mengajar/ Penyeliaan 3. Kreativiti dan inovasi pembelajaran dan pengajaran	35%
2	Penemuan ilmu (penyelidikan dan penerbitan)	1. Anugerah dan pengiktirafan 2. Penerbitan 3. Projek Penyelidikan	35%
3	Penjanaan nilai untuk negara	1. Anugerah dan pengiktirafan 2. Harta intelek dan pengkomersialan 3. Perundingan	15%
4	Kepimpinan dan potensi sumbangan kepada masyarakat	1. Anugerah dan pengiktirafan 2. Pengalaman Pengurusan dan Kepimpinan Akademik 3. Khidmat dan penglibatan dalam komuniti	15%
<b>Jumlah</b>			<b>100%</b>

**7.0 JADUAL PELAKSANAAN**

Jadual kerja pelaksanaan penilaian anugerah adalah seperti berikut:

**CITRA KARISMA 2024**  
Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Penghargaan UTM

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TINDAKAN
1.	Draf Iklan Web Citra Karisma	21 Feb-3 Mac 2024	PTNC(A&A) & BPO
2.	Proses Permohonan/Pencalonan & Perakuan peringkat fakulti	4 Mac – 15 Apr 2024	Calon/Fakulti
3.	Mesyuarat Penilaian Calon AAAH 2023	14 Apr – 13 Mei 2024	JK Pemilih & PTNC(A&A)
4.	Penghantaran Maklumat Pemenang beserta <i>Write-up</i>	14 Mei – 19 Mei 2024	PTNC(A&A)
5.	Majlis Citra Karisma 2024	27 Ogos 2024	BPO

#### 8.0 JAWATANKUASA PANEL PEMILIH

Pengerusi	:	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Panel	:	Prof. Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai bin Mohamed
	:	Prof. Dato' TPr. Dr. Ahmad Nazri bin Muhammad Ludin
	:	Prof. Ir. Ts. Dr. Zainuddin bin Abdul Manan
	:	Prof. Dr. Zulkurnain bin Abd Malek
	:	Prof. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan bin Othman
	:	Prof. Dr. Farahwahida binti Mohd Yusof
	:	Prof. Dr. Nordin bin Yahaya
	:	Prof. Madya Ir. Dr. Hayati binti Abdullah
	:	Prof. Madya Ts. Dr. Noor Azurati binti Ahmad @ Salleh
	:	Prof. Madya Dr. Nurbiha binti A. Shukor
	:	Prof. Madya Dr. Johari Surif
Setiausaha	:	Pn. Sabrena binti Omar
Urusetia	:	Pn. Nur Syuhadah binti Rusni